



DE 17-6-147 HARUN (kanan) menerima memento daripada Azemi.

## UMS, Jabatan Arkib Negara Malaysia tandatangani MoU

**Jason Santos**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Isnin, menandatangani perjanjian dengan Jabatan Arkib Negara Malaysia untuk menyelesaikan data yang semakin bertambah.

Satu inisiatif dilakukan dibawah salah satu bidang hasil utama universiti itu, iaitu bagi memperkukuhkan pengurusan, kepimpinan dan sistem penyampaian menerusi pengurusan rekod, kata naib Cancellor, Profesor Datuk Mohd Harun Abdullah di sini.

Katanya tindakan itu mengikut Seksyen 27 (3) Akta Arkib Negara 2008, yang mana untuk menjadual dan mengenal pasti nilai rekod arkib untuk melindungi dan membenarkan penghapusan selepas luput tempoh.

"UMS komited untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pengurusan pentadbirannya menerusi pelaksanaan dasar ini," katanya sebelum majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) itu.

Bagi tanggungjawab untuk menguruskan semula data yang bernilai 20 tahun itu dilakukan oleh Pendaftar UMS, peranan penasihat dan teknikal diambil alih oleh Jabatan Arkib

Negara Malaysia.

Data yang tidak relevan akan disingkirkan, membolehkan UMS menambah ruang storan, sementara rekod-rekod yang disimpan secara kekal dalam bank data Jabatan Arkib Negara Malaysia.

Maklumat ini masih boleh dicapai untuk UMS.

Ketua Pengarah Jabatan Arkib Negara Malaysia, Azemi Abd Aziz berkata Akta Arkib Negara Malaysia 2008 memberi kuasa kepada jabatan itu untuk melakukan usaha kepada mana-mana jabatan dan agensi.

Beliau mendapati penyusunan data adalah satu proses yang penting dalam mana-mana pentadbiran, dengan menyatakan ia bukan bertindak sebagai memori institusi, tetapi juga menggambarkan kualiti perkhidmatan dan integriti yang dimainkan mana-mana organisasi.

"Bagi UMS, tugas membabitkan pembinaan jadual dan sistem kelulusan untuk menyimpan atau melupus rekod tepat pada masanya," katanya.

Katanya penyusunan data boleh menjimatkan kos penyelenggaraan dan storan, oleh itu, membolehkan penggunaan pejabat dan ruang yang cekap.